

**NO. SOALAN : 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 6.3.2018 (SELASA)**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa banyak pendakwaan yang telah dibuat oleh pihak KPDKKK terhadap peniaga-peniaga yang terlibat dalam penipuan harga barang sejak pelaksanaan cukai GST.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan memandang serius akan isu penipuan harga barang oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu, dalam usaha membendung kegiatan manipulasi harga, Kementerian telah menggerakkan **OPS CATUT** bermula **15 Januari 2015** hingga **31 Disember 2016** di setiap peringkat perniagaan. Penguatkuasaan pencatutan dijalankan secara berterusan bagi mengawasi aktiviti mencatut di kalangan peniaga.

Sehingga **31 Januari 2018**, sebanyak **52 kes** telah didakwa dan disabitkan kesalahan berkaitan pencatutan di Mahkamah serta dijatuhkan hukuman dengan denda keseluruhan berjumlah **RM934,000**. Manakala jumlah kes yang telah dikompaun pula adalah sebanyak **94 kes** dengan jumlah keseluruhan kompaun sebanyak **RM436,500**.